

## Erti Ibadat Bagi Kehidupan Berjuang

Hidup seorang Muslim penuh dengan berbagai perjuangan. Ada kalanya berbentuk kemasyarakatan dan kenegaraan, tetapi kerap kali berjuang menghadapi gelora nafsu sendiri, atau jihad terhadap nafsu.

Sebab itu banyaklah ia mengalami berbagai kesulitan dan kegelisahan, maklumlah memandang banyaknya soal-soal yang dihadapi setiap saat. Belum lagi ini selesai, maka datang pula yang lain, kadang-kadang sudah dibelit oleh berbagai-bagai soal.

Akan banggallah seorang Muslim apabila menyelesaikan tugas atau soal-soal yang dihadapinya, terutama bila ia maksudkan untuk beribadat kepada Tuhan.

Tetapi sebagai seorang Muslim pula ia harus menegakkan dan mengerjakan ibadat dengan ikhlas kepada Tuhan, seperti sembahyang pada tiap-tiap waktu yang ditentukan baik yang fardu dan yang sunat, atau zikir dan wirid, dan lain-lain yang ditentukan oleh agama menjadi ibadat makhluk kepada Khaliknya.

Berbahagialah seorang Muslim, apabila ia dapat menunaikan ini dan terus pula menyelesaikan tugas perjuangannya. Berbahagia dan memang sungguh berbahagia.

Tetapi ada pula orang yang kerana asyik berjuang, lalai beribadat atau menangguhkan dari waktunya atau mengutamakan yang lain. Dan ia merasa cukup dengan usaha dan amalannya berjuang. Hal ini sangat

disesalkan, baik ditilik dari segi agama, mahu pun perjuangannya hari-hari.

Kerana ibadat itu dalam kehidupan berjuang ialah sebaik-baik bantuan bagi jiwa, apabila dilakukan dengan sebenar-benarnya. Apalagi apabila perjuangan itu telah memasuki peringkat-peringkat yang sukar dan banyak halangan.

Dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah, Nabi bersabda (ertinya):

“Ibadat pada waktu suasana penuh dengan fitnah, seperti berhijrah kepada aku.”

Berjuang bererti menghadapi banyak kewajipan dan soal, baik melaksanakan rancangan hidup dan perjuangan, mahupun menghadapi kelakuan orang lain yang merugikan Islam. Sebab itu setiap waktu tidak lepas dari keluh kesah, kesal, marah. Bahkan kalau tidak berhati-hati akan menyebabkan berputus asa. Apabila semua ini tiada pandai mengatasi atau mengubatinya maka ia akan menjadi kelemahan yang jadi pangkal kerobohan dan kehancuran.

Tetapi kalau segala keluhan. Kegelisahan dan keserabutan soal-soal itu dibawa beribadat dengan

sebenar-benarnya maka jiwa akan tenteram dan akan mendapat siraman yang berharga, sehingga apa jua macam kesulitan-kesulitan dapat diselesaikan dan tidak pula berputus asa. Sebab selalu sesudah beribadat itu harapan timbul bahawa Tuhan akan memberikan bantuan dan rahmat-Nya. Kita orang-orang Islam, sekadar mengharap akan pertolongan Allah. Memang tidaklah salah. Tetapi kalau tidak disertai dengan ibadat yang rapi maka jiwa itu akan diganggu sahaja oleh kegelisahan.

Sebab itu ibadat dan perjuangan, ialah dua soal yang berjaln erat bagi tiap-tiap seseorang Muslim. Walaupun ia berjihad dengan nafsunya antara hak dan batil (batil – salah), antara makruf dan mungkar. Ibadat yang rapi dengan hati yang ikhlas merupakan daya penggerak perjuangan, seolah-olah dia penjolak bantuan Allah. Hati dan jiwa merasa tenteram betapa jua beratnya perkara yang dihadapi, pantang putus asa, dan sanggup menjalankannya selagi ada getaran hati dengan tauhid yang disertai ibadat, sentiasa melihat sinar walau orang lain sudah seperti orang yang kegelapan pelita.

Dengan ini hendaklah roh dan semangat beribadat dihidupkan dengan sebaik-baiknya supaya memberi daya bergerak dalam berjuang dan selalu melihat ke hadapan dengan penuh harapan.

Dalam Surah al-Baqarah, ayat 153, firman Allah Ta'ālā, ertinya:  
 “Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan kepada Allah dengan bertabah hati dan mengerjakan sembahyang, sesungguhnya Allah beserta mereka yang tabah hati.”

Betapa jua bentuk soal yang kita hadapi, baik mengenai umur mahupun diri sendiri, perlu sekali adanya ketabahan hati untuk menahan cita-cita supaya jangan cair dan lenyap, serta menggerakkan hati supaya bergerak terus-menerus dengan tiada berputus asa. Keteguhan dan ketabahan hati mestilah pula disertai dengan sembahyang yang menjadi umbi ibadat supaya hati itu bertambah kuat dan jiwa lebih merasa dekat kepada Tuhan. Maka di sinilah Tuhan akan memberikan bantuan setelah kita bergerak lebih rajin.

Demikian menurut huraian al-Ustādh Muḥammad ‘Ali al-Hamīdī

**Buku-buku untuk umum dan sekolah-sekolah:**

1. Pelajaran Sembahyang I	\$1.20
2. “ “ II mengenai Imam, Makmum, Masbuk, Jenazah dan lain-lain	\$1.20
3. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak lelaki)	\$1.20
4. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak perempuan)	\$1.20
5. Ibadat Rasulullah (S.A.W.) (tinggal sedikit)	\$3.00
6. Panduan Membaca dan Menulis Jawi	\$1.50
7. Baca I	\$1.00

**Buku-Buku Sejarah**

1. Muhammad <i>ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam</i> 1	\$1.20
2. “ “ “ “ “ 2	\$1.20